

niagakosmo@mediamulia.com.my

Niaga!

WBG pacu pembangunan Langkawi

PETALING JAYA — Widad Business Group Sdn. Bhd. (WBG) melalui anak syarikat milik penuhnya, Langkasuka Land Sdn. Bhd. melaksanakan majlis pecah tanah bagi pembangunan fasa satu projek Widad Langkasuka, iaitu Langkasuka Village pada Ahad lalu.

Majlis yang dirasmikan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor itu menandakan permulaan paket kerja pembangunan tanah bernilai RM40 juta yang disasarkan selesai pada 3 Ogos 2023.

Pembangunan Langkasuka Village termasuk pembinaan padang golf, rumah kelab, vila, pusat beli-belah, hotel, pangsapuri perkhidmatan dan kondominium mewah.

Ia sebahagian daripada projek Widad Langkasuka seluas 809 hektar dengan anggaran nilai RM40 bilion, yang merupakan projek pembangunan bandar pintar lestari yang mengekalkan nilai budaya, intipati geografi, hiburan dan kesenian Langkawi.

Muhammad Sanusi berkata,



MUHAMMAD SANUSI (tengah) bersama Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan WBG, Tan Sri Ikmal Opat Abdullah (tiga dari kanan) pada majlis pecah tanah bagi pembangunan Langkasuka Village di Langkawi, Ahad lalu.

pihaknya percaya Widad Langkasuka akan menjadi produk ikonik dan tarikan unik Langkawi setelah siap dibina sepenuhnya.

“Projek bersepadu merangkumi pembangunan runcit, hospital, kediaman, rekreasi dan

institusi pengajian tinggi ini memenuhi enam teras utama Pelan Pembangunan Kedah 2035,” katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Datuk

Arham Abdul Rahman berkata, projek berkenaan menandakan keyakinan terhadap pemulihran ekonomi negara, selain berfungsi sebagai pemangkin kepada potensi pelaburan baharu serta pembinaan semula industri pelancongan tempatan yang berdaya tahan dan mampan.

“MIDA bersedia untuk memudahkan dan menyokong pelaksanaan projek WBG dan pengembangannya pada masa depan,” katanya.

GM Klang lancar aplikasi bisnes

KLANG — Pusat borong GM Klang melancarkan aplikasi Komuniti Bisnes GM Klang untuk membantu usahawan mengembangkan perniagaan.

Menurut Pengarahnya, Datuk Lim Seng Kok, ia dibangunkan dengan tujuan memudahkan orang ramai, terutama peniaga yang ingin membina kerjasama perniagaan dengan GM Klang, namun tidak tahu bagaimana untuk bermula.

“Dalam keadaan ekonomi sekarang, orang ramai memerlukan pendapatan tambahan bagi menyokong komitmen kewangan mereka dan kami menggalakkan golongan yang sedang mencari kerja sambilan untuk mula berusaha dengan GM Klang dengan memanfaatkan aplikasi terbaaru ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran aplikasi berkenaan oleh Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor, Rodziah Ismail di GM Klang di sini semalam.

Seng Kok menjelaskan, aplikasi baharu itu membantu orang ramai membina kerjaya sebagai usahawan dan pihaknya menyediakan langkah mudah bagi pengguna yang berminat untuk memulakan perniagaan bersama



SENG KOK (dua dari kiri) dan Rodziah (dua dari kanan) pada majlis pelancaran aplikasi di Klang, semalam.

GM Klang.

Tambahnya, ia turut disasarkan kepada peniaga yang mencari pembekal bagi produk yang diperlukan, atau ingin meneroka produk baharu untuk perniagaan.

“Menerusi pendaftaran mudah, pengguna boleh menjadualkan lawatan padanan perniagaan, menempah kemudahan studio GM Klang secara percuma untuk rakaman gambar dan video serta mendapatkan kemas

kini terbaru daripada GM Klang seperti pembukaan kedai, acara dan kempen terkini.

“Sempena pelancaran, kami turut mengadakan kempen ‘Muat Turun & Dapatkan Baucar F&B (makanan dan minuman) RM5 yang akan diberikan kepada 1,000 pengguna pertama.

“Pengguna dapat menebus baucar F&B bernilai RM5 dengan memasukkan kod promosi ‘GM-KAPPLAUNCH’ melalui aplikasi ini,” ujarnya.

UOB tetapkan harga MTN RM1 bilion

PETALING JAYA — UOB Malaysia semalam mengumumkan ia telah berjaya menetapkan harga Nota Jangka Sederhana (MTN) Subordinat Tahap 2 bernilai RM1 bilion yang akan matang pada Oktober 2032 dan boleh panggil pada Oktober 2027, pada kadar kupon tetap 4.9 peratus setahun.

Walaupun dalam pasaran kewangan yang tidak menentu dan persekitaran kadar faedah yang semakin meningkat, Bank tersebut berjaya menetapkan harga salah satu daripada Tahap 2 subordinat patuh Basel III berdenominasi Ringgit yang terbesar setakat ini.

Hutang subordinat berkenaan yang diberi penarafan AA1 oleh RAM Rating Services Berhad ditempatkan secara persendirian kepada lebih 20 pelabur institusi berkualiti tinggi termasuk syarikat insurans, pengurusan dana, badan berkenan, bank dan bank swasta.

Permintaan kukuh daripada pelabur juga menyaksikan saiz terbitan meningkat daripada sasaran awal RM500 juta kepada RM1 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif UOB Malaysia, Ng Wei Wei,



NG WEI WEI

berkata, kejayaan transaksi berkenaan, melalui penarafan kukuh dan penetapan harga yang dicapai, adalah bukti kekujuhan profil kredit dan asas perniagaan UOB Malaysia yang teguh.

“Di sebalik persekitaran pasaran tidak menentu, kami menerima maklum balas positif daripada pelabur untuk MTN Tahap 2 patuh Basel III Bank, menjadikannya terbitan dalam denominasi mata wang tempatan yang terbesar setakat ini,” katanya dalam satu kenyataan semalam.